

## KENYATAAN MEDIA

**UNTUK SIARAN SEGERA**

### **Sedania dan Codebase Technologies bekerjasama dalam menerajui adaptasi dan inovasi perbankan digital**

*Unit Fintech Sedania As Salam menandatangani perjanjian kerjasama dengan Codebase Technologies untuk bersama-sama menyediakan penyelesaian dan inovasi secara keseluruhan untuk sektor perbankan digital*

KUALA LUMPUR (Ogos 23): SEDANIA Innovator Berhad (“SEDANIA” atau “Kumpulan”) hari ini mengumumkan bahawa bahawa anak syarikat teknologi kewangan (Fintech), SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd (“SEDANIA As Salam”) telah menandatangani perjanjian kerjasama dengan Codebase Technologies, penyedia global penyelesaian perbankan API terbuka untuk menyediakan penyelesaian digital hujung ke hujung yang mempercepatkan adaptasi dan inovasi perbankan digital.

Kerjasama ini bertujuan untuk menyelaraskan teknologi dan rangkaian klien Sedania As Salam dan Codebase Technologies yang beroperasi dari UAE, dalam mengukuhkan syarikat terhadap sektor perbankan digital yang mendapat permintaan semakin tinggi.

Ini akan dapat dicapai melalui pembangunan platform perbankan Islam digital semua dalam satu yang tersedia untuk pelanggan di Malaysia dan juga antarabangsa melalui model bertemakan SaaS (Subscription as a Service). Platform baru ini akan menampilkan perisian Tawarruq, yang merupakan perisian hak milik SEDANIA As Salam, sebagai terasnya.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Sedania As Salam Nisa Ismail berkata, “Saya yakin dengan kerjasama ini kerana ianya akan meletakkan kami di hadapan dalam menawarkan penyelesaian perbankan digital yang inovatif bagi memenuhi keperluan institusi perkhidmatan kewangan (FSI).

“Keyakinan kami ini berpunca daripada fakta bahawa kami boleh memanfaatkan teknologi daripada Codebase Technologies yang diiktiraf dan telah berjaya digunakan dalam melancarkan pelbagai platform dan penyelesaian digital di seluruh dunia untuk pelbagai FSI, sama ada bank neo atau pencabar, bank tradisional, fintech dan syarikat baru.

“Ini merupakan kerjasama yang ideal kerana kami kini meletakkan syarikat ini pada peningkatan pertumbuhan yang merangkumi pasaran antarabangsa. Rekod prestasi kukuh Sedania As Salam dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada bank konvensional mewah, bank koperasi dan juga pelbagai FSI yang lain juga dapat membantu Codebase Technologies memperoleh kedudukan yang lebih kukuh di Malaysia.”

Ketua Perusahaan Global Codebase Technologies Omar Mansur mengulas, “Kami berharap kerjasama berharga dengan Sedania As Salam ini akan dapat memberikan hasil yang membanggakan di masa hadapan sementara kami bekerjasama untuk mempercepatkan pendigitalan di rantau ini.

“Sinergi bersama yang kami akan dapat terokai adalah tidak terhad dan akan membolehkan akses yang lebih luas kepada pelbagai penyelesaian digital untuk FSI. Kerjasama ini akan membantu kami mengembangkan kedudukan kami di Malaysia dan rantau APAC, dan kami juga bersyukur kerana dapat bekerjasama dengan organisasi yang berkongsi visi yang sama.”

Dalam perjanjian tersebut, Sedania As Salam akan menerajui dalam pembangunan perniagaan dan juga pengurusan projek sementara mengintegrasikan solusi teknologi kewangan Islam dengan Digibanc, platform perbankan digital daripada Codebase Technologies yang mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Tambah Nisa, “Perkongsi ini menandakan lanjutan Program Pembiayaan GoHalal (GHP) kami, yang meliputi saluran hadapan digital dan juga penyelesaian platform perbankan digital semua dalam satu, dikuasakan lagi oleh perkhidmatan Tawarruq yang patuh-Syariah. Kami boleh memberikan lebih manfaat kepada pelbagai FSI pada masa hadapan, kerana kami akan melangkaui penawaran penyelesaian teknologi kewangan Islam seperti As-Sidq atau GHP dengan menyediakan rangkaian lengkap penyelesaian perbankan digital.”

SEDANIA As Salam adalah penyedia penyelesaian fintech Islam yang sehingga kini, telah melaksanakan pelbagai penyelesaian fintechnya untuk lebih 80 FSI termasuk produknya yang paling terkemuka As-Sidq, platform dagangan komoditi digital patuh Syariah As-Sidq yang dipatenkan.

Antara penyelesaian utamanya yang lain termasuk Assidq.com, sebuah pasaran kewangan yang sepenuhnya digital untuk pemerolehan pengguna dan paparan kandungan. Selain itu, terdapat juga GHP yang memberi kelebihan kepada agensi kredit untuk mengembangkan penawaran produk mereka bagi memenuhi keperluan pasaran semasa tanpa mengira kepercayaan agama mereka. Terdapat juga RECUR yang ditawarkan oleh Sedania As Salam, penyelesaian yang melengkapkan keseluruhan landskap pembiayaan digital dengan memudahkan pembayaran berulang.

Selain itu, Sedania As Salam mampu menyokong perkembangan perbankan digital di Malaysia kerana Sedania As Salam merupakan rakan kongsi teknologi kepada syarikat yang merupakan sebahagian daripada konsortium perbankan digital Malaysia. Ini termasuklah AEON Credit Service (M) Berhad dan juga satu lagi klien yang menawarkan produk pembiayaan peribadi patuh-Syariah kepada pengguna platformnya melalui GHP SEDANIA As Salam.

Codebase Technologies merupakan perintis global dalam ruang penyelesaian perbankan dan kewangan, dengan projek dan pelaksanaan dalam institusi Islam dan konvensional, pemberi pinjaman, fintech, syarikat perkhidmatan pembayaran dan pemain lain di seluruh BFSI.

Sepanjang dekad yang lalu, Codebase Technologies telah mentakrifkan semula landskap kewangan digital dengan melancarkan pelbagai cadangan perbankan digital, dengan pelancaran ketara seperti Zand, bank runcit dan korporat digital sepenuhnya yang pertama di UAE dan juga Blink, yang merupakan neobank digital pertama negara Jordan.

-TAMAT-

### **Mengenai Sedania As Salam Capital Sdn Bhd**

*Sedania As Salam Capital Sdn Bhd (SASC), adalah anak syarikat milik penuh Sedania Innovator Berhad, yang menyediakan teknologi untuk memperkasa institusi kewangan dengan penyelesaian fintech Islam.*

*Secara terasnya, As-Sidq adalah sebuah platform dagangan komoditi digital yang mematuhi Syariah yang memudahkan pembrokeran komoditi digital yang selamat, boleh digunakan secara langsung pada bila-bila masa untuk keperluan institusi kewangan Tawarruq (komoditi murabahah).*

*Bagi melengkapkan ekosistem fintech Islam kami, satu kolaboratif keupayaan perbankan dan kewangan komposit disediakan bagi membolehkan dan mempercepatkan kesediaan digital institusi kewangan.*

*Log masuk ke laman web syarikat kami di <https://www.sedaniaassalam.com/> untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pemerksaan teknologi.*

### **Mengenai Codebase Technologies**

*Codebase Technologies merupakan salah satu daripada penyedia penyelesaian perbankan API terbuka yang paling pesat berkembang di dunia. Dengan visi " untuk mengganggu cara teknologi digunakan untuk tujuan yang lebih besar," kami mencipta cadangan kewangan digital yang lebih berkesan untuk bank konvensional dan Islam, syarikat teknologi kewangan, neobank, pemberi pinjaman dan syarikat baru.*

*Codebase Technologies telah melancarkan cadangan kewangan untuk beberapa digital bank dan neobank di seluruh UAE, Malaysia, Bahrain, UK dan Afrika dengan kadar kejayaan yang terbukti dan kelajuan yang tiada tandingan di pasaran. Hasilnya, Codebase Technologies telah berjaya berkembang pesat sebagai perintis teknologi perbankan digital dalam industri perbankan global.*

*Platform fintech Digibanc kami yang memenangi anugerah ialah platform perbankan digital yang berasaskan awan, dipacu API dan sangat boleh diadaptasikan yang membolehkan institusi menyampaikan perkhidmatan kewangan digital yang inklusif. Seni bina terbuka kami merangkumi pelbagai ekosistem rakan kongsi dan vendor, memacu pengalaman kolaboratif merentasi landskap perkhidmatan kewangan. Platform Digibanc dibina pada seni bina perkhidmatan mikro berasaskan komponen yang menyediakan persekitaran yang teguh dan tangkas untuk melancarkan produk dan perkhidmatan kewangan baharu pada skala.*

*Dengan budaya inovasi dan kecemerlangan yang mendalam, Codebase Technologies membantu membawa ke hadapan transformasi digital dan perbankan generasi seterusnya di seluruh dunia.*

*Log masuk ke laman web Syarikat Codebase Technologies di <https://www.codebtech.com/> untuk mengetahui lebih lanjut mengenai penyelesaian perbankan digitalnya.*

**Untuk pertanyaan lanjut mengenai SEDANIA AS Salam dan Codebase Technologies, sila hubungi:**

**Doreenn Leong**

*Sedania As Salam Capital Sdn Bhd  
Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620  
Email: [media@sedaniainnovator.com](mailto:media@sedaniainnovator.com)*

**Tom Romanski**

*Branding and Communications Lead Codebase Technologies  
Tel: +973 33555911  
Email: [romanski@codebtech.com](mailto:romanski@codebtech.com)*